KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## JUMAAT, 1 SEPTEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

1/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **KPWKM TUMPU 4 ASPEK SASAR 60 PERATUS TENAGA KERJA WANITA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1146827/kpwkm-tumpu-4-aspek-sasar-60-peratus-tenaga-kerja-wanita | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/08/949356/govt-taking-steps-achieve-60pc-female-labour-participation | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **TERUSKAN PERKASA WANITA MALAYSIA PASCA 66 TAHUN MERDEKA** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/teruskan-perkasa-wanita-malaysia-pasca-66-tahun-merdeka/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **SARAWAK COMMITTED TO RESOLVE CITIZENSHIP ISSUE** | |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/sarawak-committed-to-resolve-citizenship-issue/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **KPWKM BERSAMA MERAIKAN HARI KEBANGSAAN 2023** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=dzthqEh4Szo | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **DIDAKWA ROMPAK, PAKSA SEKS LUAR TABII KE ATAS WANITA MYANMAR** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1004827/didakwa-rompak-paksa-seks-luar-tabii-ke-atas-wanita-myanmar | HMETRO.COM.MY |

1/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **WANITA DIPERKOSA LIMA LELAKI KETIKA TIDUR** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/wanita-diperkosa-lima-lelaki-ketika-tidur/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/08/1005032/diperkosa-bergilir-gilir-5-kenalan-abang-ipar-rakam-perbuatan | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1147045/polis-buru-lima-lelaki-kes-rogol-berkumpulan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/31/lima-lelaki-rogol-wanita-bergilir-gilir-rakam-perbuatan/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/276587/berita/semasa/wanita-diperkosa-bergilir-gilir-lima-rakan-abang-ipar | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-sedang-tidur-diperkosa-5-rakan-abang-ipar-rakam-perbuatan/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **WANITA TEMUKAN OBJEK DIPERCAYAI PELURU MORTAR KETIKA MENCARI REBUNG** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-temukan-objek-dipercayai-peluru-mortar-ketika-mencari-rebung-435354 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/08/31/wanita-cari-rebung-tapi-jumpa-peluru-mortar/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **HARAMKAN MINUMAN TENAGA UNTUK KANAK-KANAK, PUNCA DEGUPAN JANTUNG LAJU, JEJAS KESIHATAN MENTAL** | |
| | https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/08/1146808/haramkan-minuman-tenaga-untuk-kanak-kanak-punca-degupan-jantung | BHARIAN.COM.MY |

1/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **KANAK-KANAK DILAPORKAN HILANG DITEMUI LEMAS** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1147015/kanak-kanak-dilaporkan-hilang-ditemui-lemas | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budak-ditemukan-lemas-dalam-dasar-sungai-435290 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1005080/kanak-kanak-lemas-ditemui-di-dasar-sungai | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/08/31/kanak-kanak-12-tahun-dilapor-hilang-ditemui-lemas/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1005197/polis-ambil-keterangan-bapa-budak-lemas | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **BAPA LEMAS LEPAS CUBA SELAMATKAN ANAK** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1005189/bapa-lemas-lepas-cuba-selamatkan-anak | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **RMHC MALAYSIA TO OPEN ITS FOURTH RONALD MCDONALD HOUSE IN SABAH** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/08/949455/rmhc-malaysia-open-its-fourth-ronald-mcdonald-house-sabah | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **KAK NGAH BAKERY & KEK BUKTI WANITA OKU MAMPU JANA PENDAPATAN SENDIRI** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/08/31/kak-ngah-bakery-kek-bukti-wanita-oku-mampu-jana-pendapatan-sendiri/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

1/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **15 'BAYI MERDEKA' DI PAHANG** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/276558/edisi/pahang/15-bayi-merdeka-di-pahang | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1005068/15-bayi-merdeka-lahir-di-pahang | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/276565/khas/cerita-merdeka/tujuh-bayi-merdeka-lahir-di-hsa | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=hWhKGadAskA | YOUTUBE |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/31/tidak-sangka-sempat-lahir-bayi-merdeka/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/sukan/2023/08/goh-liu-ying-selamat-lahirkan-bayi-merdeka/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/08/31/tujuh-bayi-merdeka-dilahirkan-di-hospital-shah-alam/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tujuh-bayi-merdeka-lahir-di-hsa-435307 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=FcqqoyBxUNo | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=83wpcEEDQv4 | YOUTUBE |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/masuk-hospital-semalam-tidak-sangka-sempat-lahir-bayi-merdeka/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/31/36-bayi-merdeka-lahir-di-terengganu/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/08/31/15-bayi-merdeka-dilahirkan-di-pahang/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

1/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | DUA BERANAK NYARIS MAUT DALAM KEBAKARAN DI SERDANG RAYA | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-beranak-nyaris-maut-dalam-kebakaran-di-serdang-raya-435268 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | DOA IBU AGAR ANAK TAK JEJAK KAKI KALI KETIGA KE PENJARA | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/276516/edisi/melaka-ns/doa-ibu-agar-anak-tak-jejak-kaki-kali-ketiga-ke-penjara | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | WANITA WARGA EMAS HILANG DUA HARI DITEMUKAN SELAMAT | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/31/wanita-warga-emas-hilang-dua-hari-ditemukan-selamat | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | WANITA TERPERANGKAP KEPALA AIR BERJAYA DISELAMATKAN | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1147199/wanita-terperangkap-kepala-air-berjaya-diselamatkan | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | KANAK-KANAK WARNAI HARI KEBANGSAAN 2023 | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1147058/kanak-kanak-warnai-hari-kebangsaan-2023 | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2221271 | BERNAMA.COM |

1/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **MAYAT LELAKI OKU DITEMUI TERAPUNG SELEPAS HILANG 3 HARI** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-lelaki-oku-ditemui-terapung-selepas-hilang-3-hari/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/31/mayat-lelaki-oku-ditemui-terapung-di-sungai-rajang | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://suarasarawak.my/lelaki-oku-terjun-sungai-rajang-ditemui/ | SUARASARAWAK.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/31/lelaki-oku-terjun-sungai-ditemukan-mati-lemas/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **WARGA EMAS KELUAR MENOREH DITEMUI MENINGGAL DUNIA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1147151/warga-emas-keluar-menoreh-ditemui-meninggal-dunia | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-ditemukan-meninggal-dunia-dalam-kebun-getah/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **SEBULAN BERLATIH, WARGA EMAS TERUJA SERTAI PERBARISAN HARI KEBANGSAAN** | |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2221319 | BERNAMA.COM |

1/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **LELAKI DIDAKWA LAKUKAN GANGGUAN SEKSUAL FIZIKAL TERHADAP SEPUPU** | |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/219225/lelaki-didakwa-lakukan-gangguan-seksual-fizikal-terhadap-sepupu/ | DAILYEXPRESS.COM.MY |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/219228/gangguan-seksual-pekerja-kilang-biskut-dipenjara-sebat/ | DAILYEXPRESS.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | AFIYA DERITA HATI GAGAL BERFUNGSI | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



# Afiya derita hati gagal berfungsi

## Kanak-kanak perlu RM200,000 kos pembedahan di India atau China

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

**Machang:** Pasangan suami isteri dari Kampung Gaung, Pangkal Meleret, di sini, tidak dapat menahan pilu apabila doktor menjangkakan umur anak mereka, Nur Afiya Husna Hashim yang berusia setahun empat bulan tidak panjang berikutan menderita kegagalan fungsi hati atau biliary atresia.

Hazirah Hashim, 32, berkata doktor menjangkakan anak bongsu daripada tiga beradik itu hanya mampu bertahan dua tahun.

Bagaimanapun, katanya, dia dan suaminya, Hashim Mat, 40, tidak pernah putus berdoa agar usia anak mereka dipanjangkan Allah dan ingin melihatnya membesar seperti kanak-kanak lain.

Menceritakan kembali keadaan anaknya itu, Hazirah berkata, selepas dua minggu Nur Afiya Husna dilahirkan, penyakit kuning masih tidak turun dan dibawa ke Klinik Kesihatan Machang.

"Pada masa sama, sampel darah Nur Afiya Husna juga terpaksa diambil dan seminggu kemudian, doktor memaklumkan fungsi hati anak saya dalam keadaan membimbangkan dan perlu segera dirujuk ke Hospital Tanah Merah untuk menjalani ujian ultrasound.

"Hasil ujian ultrasound mendapati Nur Afiya Husna tidak mempunyai saluran hempedu dan untuk kepastian, pemeriksaan imbasan HIDA sekali lagi dilakukan di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) untuk menangkap imej hati serta saluran hempedu dan anak saya disahkan menghidap Biliary Atresia.

"Susulan itu, ketika anak saya berusia 42 hari, dia terpaksa menjalani pembedahan membuang hempedu menerusi prosedur Kasai di HRPZII dan dirawat selama tiga minggu sebelum dibenarkan pulang," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Gaung, Pangkal Meleret.

### Hanya mampu terbaring

Terdahulu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Cempaka Merah Asnaf Society yang diwakili Pengerusinya, Che Norhayati Mohamed menziarahi keluarga berkenaan dan turut menyampaikan sumbangan wang tunai untuk meringankan beban yang ditanggung.

Hazirah berkata, jika kanak-kanak seusia Nur Afiya Husna gembira bermain, dia hanya mampu terbaring selain minta didukung ketika mahu bermanja.

"Lebih menyedihkan, ketika Nur Afiya Husna berusia enam bulan sehinggalah kini, hospital diibaratkan rumah kedua kami kerana kerap dimasukkan ke hospital disebabkan mengalami demam berikutan jangkitan kuman pada saluran hati ke usus," katanya.



*Hazirah menunujukkan gambar Nur Afiya sebelum disahkan menghidap biliary atresia sehingga perut anaknya membuncit, selain mata kekuningan.*
(Foto Hazira Ahmad Zaidi/BH)

Ibu kepada tiga anak ini berkata, setiap dua minggu atau sebulan sekali, Nur Afiya Husna perlu menghadiri temu janji di Hospital Tanah Merah bagi memantau perkembangan tahap kesihatannya.

"Setiap kali menghadiri temu janji saya perlu menaiki kereta sewa dengan tambang RM100 untuk pergi dan balik," katanya.

Katanya, Mei lalu, doktor menyarankan anaknya menjalani pembedahan pemindahan hati di India atau China disebabkan keadaan fizikal Nur Afiya Husna yang tidak mengizinkan pembedahan dilakukan di negara ini.

"Kos pembedahan itu RM200,000 dan pada awalnya saya tidak bersedia kerana memikirkanya terlalu besar serta di luar kemampuan kerana suami hanya bekerja kampung dengan pendapatan yang tidak menentu.

"Bagaimanapun, kos itu tidak termasuk tiket penerbangan dan penginapan sepanjang kami berada di negara berkenaan," katanya.

Mereka yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Bank Islam bernombor 03045022462118 atas nama Hazirah Hashim atau boleh menghubunginya di talian 018-9072754.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PERKASA SEMANGAT PATRIOTISME BERMULA AWAL USIA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Perkasa semangat patriotisme bermula awal usia

**Prof Dr Nordin Mamat,**
Pengarah Pusat Pedagogi, Penyelidikan Inovasi (CPRI), Fakulti Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

**Semalam,** kita menyambut ulang tahun ke-66 kemerdekaan negara bertemakan 'Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan'. Tema sambutan tahun ini bertepatan dengan iltizam kita untuk mengukuhkan perpaduan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya.

Setiap warganegara mesti menghayati roh kesepaduan sosial, kesefahaman dan membina jati diri sebagai satu bangsa Malaysia yang merdeka jiwa dan minda.

Menginjak usia 66 tahun Malaysia, semangat cintakan negara tidak harus pudar, malah perlu kekal utuh menjadi jati diri setiap anak Malaysia.

Usaha memupuk semangat patriotisme dan mengukuhkan perpaduan nasional ini perlu digalas semua pihak tidak mengira bangsa dan agama. Semangat patriotik perlu dipupuk sepanjang masa rakyat terutama pelajar tidak kehilangan hala tuju, malah memperkukuh perasaan cinta kepada negara.

Selaras dengan inti pati kemerdekaan dan sokongan terhadap Pelan Pembangunan Malaysia 2015-2025, program dilaksanakan di institusi pendidikan seharusnya memberi manfaat dan impak mendalam di hati serta jiwa pelajar bukan sahaja institusi pengajian tinggi (IPT), malah sekolah serta paling asas iaitu taska dan tadika.

MALAYSIA MADANI
TEKAD PERPADUAN PENUHI HARAPAN

Oleh itu, semua sekolah termasuk taska dan tadika perlu melaksanakan program meraikan Hari Kebangsaan serta aktiviti bersifat patriotik menjadi platform serta aspirasi mengukuhkan perpaduan dan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar.

Program dijalankan itu bukan sahaja meningkat dan memperkasakan semangat patriotisme, jati diri dan perpaduan nasional pelajar, bahkan memberi kesedaran kepada mereka kemerdekaan diperoleh melalui perpaduan perlu dipertahan dan dikekalkan.

Kanak-kanak perlu sentiasa disuntik dengan ilmu serta sejarah kemerdekaan. Peranan ini perlu dilaksanakan guru secara berkesan. Guru boleh berperanan sebagai contoh membimbing murid dan membentuk kemenjadiaan muridnya sebagai warganegara celik sejarah.

Tidak salah untuk kita kembali melihat kenapa dahulunya peranan pendidik penting dalam memupuk semangat patriotisme.

Cuba lihat tokoh guru luar biasa hebatnya seperti Tan Sri Hajah Zainon atau nama mesranya Ibu Zain dan pendeta Za'ba atau nama asalnya Zainal Abidin Ahmad, seorang tokoh pendidik dan pejuang kemerdekaan.



Mereka ini bukan sahaja mempunyai pengetahuan dan kemahiran pedagogi sebagai seorang guru tetapi mempunyai semangat patriotisme tinggi.

Semangat dan roh pendidik mengalir dalam diri mereka membangkitkan semangat patriotisme kepada pelajarnya. Roh pendidik yang kuat menjadikan mereka tidak penat memperjuang kemenjadian bangsa.

TAJUK : SEMANGAT MERDEKA SUBURKAN EVOLUSI EMANSIPASI WANITA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 01 SEPT 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Semangat merdeka suburkan evolusi emansipasi wanita



Pensyarah Kanan di Kolej Pendidikan Berterusan, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

Oleh Dr Nurulbahiah Awang
bhrencana@bh.com.my

**Malaysia** ialah negara dihuni rakyat mempunyai latar belakang pelbagai semenjak zaman sebelum merdeka. Bahkan, cara hidup masyarakat Malaysia amat dipengaruhi agama, budaya dan kepercayaan.

Wanita adalah antara warganegara yang terikat dengan adat, kepercayaan dan maruah dalam kehidupannya ketika negara belum atau awal merdeka.

Mereka tidak diberikan peluang bersekolah sehingga ke peringkat tertinggi apatah lagi bekerja jauh daripada keluarga. Wanita dahulu hanya membantu keluarga di rumah melakukan kerja rumah tangga dan pertanian sara diri. Sampai usia difikirkan sesuai untuk berumah tangga, wanita akan dikahwinkan ibu bapanya dengan pilihan keluarga.

Nasib dan keadaan wanita terutama hari ini amat berbeza selepas Malaysia merdeka. Mereka diberikan peluang menceburkan diri dalam pelbagai arena termasuk politik, pentadbiran, pendidikan, perubatan, perkhidmatan, perkilangan dan perindustrian.

Hari ini, jumlah wanita menduduki jawatan tinggi dalam pelbagai bidang profesional, sosial, politik dan pentadbiran dilihat setanding dengan lelaki. Bahkan dalam aspek tertentu, keupayaan mereka melangkaui kemampuan golongan lelaki. Maka, jurang sosial golongan wanita Malaysia dapat dilihat dengan jelas selepas 66 tahun Malaysia merdeka.

Emansipasi wanita di Malaysia terutama selepas merdeka menampakkan kejayaan luar biasa sehingga ke hari ini dan mungkin selama-lamanya.

Perbezaan ketara boleh dilihat apabila kajian pada 2022 mendapati jumlah wanita mendaftar di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) mewakili 61 peratus daripada jumlah mahasiswa mendaftar, manakala hampir 53 peratus mahasiswa mendaftar di institusi swasta adalah wanita.

Bahkan, pelbagai inisiatif diusahakan kerajaan untuk memperkasa wanita dan keluarga melalui dasar serta undang-undang, program kekeluargaan dan keibubapaan.

Antara inisiatif disediakan ialah menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak berkualiti, pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja, persekitaran kerja kondusif dan selamat, waktu bekerja fleksibel, bantuan geran perniagaan, bantuan khas kepada suri rumah dan membabitkan wanita pembuat dasar.

Bagaimanapun, usaha pemerkasaan golongan wanita selepas 66 tahun Malaysia merdeka masih perlu giat dilaksanakan. Peranan wanita amat penting dalam pembentukan Masyarakat MADANI demi melahirkan masyarakat lebih mampan dan makmur.

Walaupun wanita bergiat aktif di pelbagai lapangan bidang pekerjaan dan kemahiran, mereka tetap berperanan mendidik dan mengasuh anak untuk menjadi generasi berkualiti pada masa depan.

Oleh itu, wanita Malaysia yang merdeka perlu berani mempertahankan maruah diri sendiri daripada menjadi mangsa penindasan, dinodai dan ditipu disebabkan kejahilan atau kealpaan sendiri.

Seorang wanita merdeka seharusnya mempunyai jati diri yang dapat membebaskan diri daripada menjadi 'hamba' kepada makhluk dan teknologi, bijak memilih cara hidup lebih lestari, mengambil cakna kepentingan masyarakat, tidak pentingkan diri sendiri dan sentiasa positif dan proaktif untuk kemajuan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUA BERANAK NYARIS MAUT RUMAH TERES DUA TINGKAT TERBAKAR | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Dua beranak nyaris maut rumah teres dua tingkat terbakar

**Kuala Lumpur:** Tindakan pantas anggota bomba berjaya menyelamatkan dua beranak yang terperangkap dalam kebakaran di sebuah rumah teres dua tingkat di Jalan SR7/1, Taman Serdang Raya, pagi semalam.

Komander Operasi Saharudin Abd Razak berkata, panggilan kecemasan yang diterima pihaknya jam 5.35 pagi itu berjaya menyelamatkan wanita warga emas berusia 62 tahun dan anak lelakinya, 30, yang ketika itu mengalami sesak nafas akibat terhidu asap tebal.

"Apabila tiba, kami dapati dua mangsa terperangkap di tingkat atas rumah terbabit dan mengalami sesak nafas manakala dua lagi mangsa yang berada tingkat bawah berjaya keluar.

"Kami terpaksa memecahkan jeriji tingkap untuk membawa keluar kedua-dua mangsa yang hampir pengsan.

"Mereka kemudiannya diberikan bantuan oksigen oleh Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) sebelum pasukan perubatan tiba," katanya.

Saharudin berkata, punca kejadian masih dalam siasatan. - Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JASAD BUDAK LEMAS DITEMUI | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Jasad budak lemas ditemui

**Tuaran:** Selepas dua hari hilang, kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun ditemukan lemas di sungai dekat Kampung Serusop di sini, semalam.

Mayat Syaza Wardiah Muesa, 12, ditemui jam 11.47 pagi oleh Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) yang terbabit hari kedua operasi mencari dan menyelamat (SAR) mangsa.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Daerah Kota Belud, Abdul Qawie Abdul Gapar berkata, operasi itu yang dibantu pelbagai pihak bermula sejak laporan kehilangan diterima pada Rabu.

"Mangsa ditemui di dasar sungai pada kedalaman kira-kira empat meter berhampiran lokasi kejadian. Mayat kemudian diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut," katanya yang memberitahu SAR ditamatkan pada jam 12.10 tengah hari.

Dalam kejadian jam 2.30 petang Rabu, tiga mangsa disedari hampir lemas dengan saksi sempat menyelamatkan dua orang, manakala Syaza Wardiah dilapor hilang.

Mangsa ketika kejadian sedang mandi-manda bersama keluarganya.



MAYAT Syaza Wardiah ditemukan pada hari kedua operasi mencari dan menyelamat (SAR). - Gambar ihsan JBPM

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | REKOD 286 MOHON DAFTAR LEWAT SIJIL LAHIR | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Rekod 286 mohon daftar lewat sijil lahir

**Kuala Terengganu:** Jabatan Pendaftaran Negeri (JPN) Terengganu merekodkan 286 permohonan pendaftaran lewat sijil kelahiran, sepanjang 2022.

Pengarahnya, Mohamad Nasir Kareem berkata, dari Januari hingga Ogos tahun ini pula sebanyak 235 kes kelewatan pendaftaran kelahiran dicatatkan.

"Ada beberapa bulan lagi untuk sampai ke 31 Disember 2023 dan kita menjangkakan kemungkinan peningkatan kepada kes pendaftaran lewat kelahiran akan berlaku pada tahun ini berbanding tahun lalu.

"Kelewatan pendaftaran kelahiran atau pendaftaran yang lebih 60 hari dari tarikh bayi dilahirkan akan menyebabkan JPN terpaksa mengambil sedikit masa untuk membuat penentusahan dan terpaksa menemu duga ibu bapa," katanya pada Program Menyemai Kasih Rakyat (Mekar) bersempena dengan Sambutan Bayi Merdeka di Pusat Rawatan Ibu dan Anak di Hospital Sultanah Nur Zahirah di sini, semalam.

> *Kelewatan pendaftaran kelahiran atau pendaftaran yang lebih 60 hari dari tarikh bayi dilahirkan akan menyebabkan JPN terpaksa mengambil sedikit masa untuk membuat penentusahan dan terpaksa menemu duga ibu bapa"*
>
> **Mohamad Nasir Kareem**

Mohamad Nasir berkata, pihaknya mendapati lebih 80 peratus daripada jumlah kes kelewatan pendaftaran sijil kelahiran adalah disebabkan kecuaian ibu bapa atau penjaga.

Malah, katanya kebanyakan kes permohonan pendaftaran lewat sijil lahir adalah daripada kalangan penduduk berdekatan kawasan bandar yang tidak mempunyai masalah laluan pengangkutan.

"Pendaftaran kelahiran ini tidak perlu bawa bayi ke JPN. Bapa atau sesiapa yang tahu kelahiran boleh hadir (ke JPN) jadi tidak sepatutnya timbul isu kelewatan.

"Kebanyakan kes pula tinggal di Kuala Terengganu, Marang dan kawasan yang tidak mempunyai masalah laluan pengangkutan jadi sepatutnya tidak ada alasan lagi. Kita juga perlu bantuan masyarakat sekeliling untuk bantu daftarkan kelahiran bayi sekiranya ibu bapa mempunyai kekangan tertentu," katanya.

Mohamad Nasir berkata, pihaknya juga sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan setiap kelahiran bayi di negeri ini didaftarkan antaranya melalui program Mekar yang menyaksikan JPN turun padang menemui penduduk untuk mendaftarkan kelahiran. - Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SOFIA BERSEMANGAT SIMPAN HASRAT MURNI | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |


Oleh Nurul Fatihah Sulaini
am@hmetro.com.my

BUDAK 9 TAHUN HIDAP KANSER SARAF NAK JADI USTAZAH

# Sofia bersemangat, simpan hasrat murni

**Besut**

Walaupun diuji dengan penyakit kanser saraf atau *neuroblastoma* tahap empat, kanak-kanak cekal ini tidak patah semangat, malah menyimpan cita-cita bergelar ustazah suatu hari nanti.

Tuan Nur Afrina Sofia Tuan Khalid, 9, juga mahu menjadi guru yang dapat mendidik anak bangsa meskipun tidak pasti takdir hidupnya bagaimana.

Ibunya, Noor Adibah Ahmad, 42, berkata, anak bongsu itu yang dipanggil Sofia menjadikan pendakwah bebas, Ustazah Asma' Harun sebagai sumber inspirasi dalam mendalami ilmu agama.

"Setiap kali ditanya mengenai cita-cita, Sofia akan jawab ustazah atau guru," katanya ketika ditemui di Kampung Nail, Kuala Besut di sini, semalam.

Menceritakan derita Sofia, Noor Adibah berkata, penyakit anak keempat itu bermula dengan sakit gigi diikuti penglihatan terganggu dan lumpuh badan pada penghujung 2020.

"Saya bawa dia ke klinik gigi dan Sofia diberi ubat antibiotik. Tetapi dalam tempoh dua bulan, bengkak pada bawah pipi tidak surut, hingga doktor merujuknya ke ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu kerana mengesyaki dia ada masalah gigi geraham.

"Bagaimanapun, ujian X-Ray mendapati dia tiada masalah gigi tetapi sampel diambil menunjukkan Sofia menghidap kanser saraf," katanya.



SOFIA menjalani 16 kemoterapi sejak 2020 hingga Ogos 2021.

Noor Adibah berkata, Sofia sudah menjalani 16 kemoterapi sejak 2020 hingga Ogos 2021 dan kembali bersemangat selepas rawatan itu selesai serta sempat ke sekolah tahun lalu.

Namun kesihatannya kembali merosot pada awal tahun, bahkan timbul benjol di dahinya dan anaknya itu mengadu tidak dapat melihat.

"Tahun lalu sebelah matanya masih boleh nampak, tetapi pada Julai lalu, Sofia mengadu kedua-dua matanya sudah tidak dapat melihat.

"Kansernya membiak cepat walaupun doktor sudah buang ibu kanser di perutnya, sel kanser aktif di seluruh badan terutamanya kawasan yang bengkak," katanya.

Akuinya, dalam tempoh tiga tahun ini berat Sofia menyusut daripada 27 kilogram (kg) hingga 13 kg.

"Sebagai ibu, perasaan hiba dan sayu melihat kesihatan Sofia terus merosot. Dia sudah tidak larat berjalan dan terpaksa didukung untuk mandi di bilik air.

"Disebabkan penyakit ini dia menghadapi masalah untuk makan kerana rahang bengkak, bahagian mulut menjadi sempit serta tidak boleh mengunyah makanan dengan sempurna," katanya.

Adibah berkata, dia reda serta bersedia menerima segala kemungkinan apabila doktor memaklumkan harapan untuk Sofia sembuh adalah tipis dan mungkin hanya bertahan dua bulan lagi.

"Buat masa sekarang dia hanya bergantung kepada ubat tahan sakit dan saya turut bawa dia berubat kampung supaya boleh tidur lena," katanya yang memberitahu semangat anaknya kuat melawan penyakit itu.

Katanya, mereka menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) RM 300 sebulan untuk keperluan Sofia, manakala suaminya, Tuan Khalid Tuan Hamat, 44, yang sebelum ini menjadi nelayan, banyak melakukan kerja kampung.

Orang ramai yang mahu membantu boleh menyalurkan sumbang ke akaun **Agro Bank 2006361000330941** atas nama Nor Adibah Ahmad.



> "Kansernya membiak cepat walaupun doktor sudah buang ibu kanser"
> Noor Adibah

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TENAGA WANITA MASIH KURANG | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

EKONOMI MADANI *Memperkasa Rakyat*

# Tenaga wanita masih kurang

## *Persaingan dengan pekerja asing, gaji rendah antara faktor jadi penyumbang*

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

Kadar penyertaan tenaga buruh Malaysia meningkat dengan ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini, iaitu daripada 46.8 peratus pada 2010 kepada 68.6 peratus pada 2021.

Bagaimanapun, jurang antara kadar penyertaan tenaga buruh lelaki dan wanita masih lagi besar apabila 80.9 peratus untuk lelaki dan hanya 55.5 peratus wanita pada 2021.

Ketua Ekonomi Buruh Kementerian Sumber Manusia dan Emiratisasi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) Dr Mohd Yusof Saari berkata, bagaimanapun, angka itu masih kekal rendah dengan tahap pembangunan Malaysia jika dibandingkan dengan negara lain di Asia Tenggara.

"Ini sebahagiannya disebabkan oleh 56.9 peratus wanita dengan pendidikan menengah berada di luar tenaga buruh.

"Berdasarkan data Tenaga Buruh, 63.2 peratus menyatakan kerja rumah dan tanggungjawab keluarga sebagai sebab wanita tidak mengambil bahagian dalam tenaga buruh," katanya.

Dr Mohd Yusof berkata, mengikut perangkaan pada 2021, kadar penyertaan tenaga buruh wanita mengikut pendidikan tinggi merekodkan 64.1 peratus, pendidikan menengah (52.2 peratus) dan rendah (43.6 peratus).

"Berdasarkan perangkaan ini, usaha perlu dilakukan bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh bagi mereka yang berpendidikan menengah dan rendah.

"Penyertaan tenaga buruh bagi wanita berpendidikan tinggi berada pada tahap memuaskan, jadi usaha dan dasar ke arah peningkatan penyertaan perlu terarah kepada wanita berpendidikan menengah dan rendah," katanya.

Ditanya mengapa penyertaan pendidikan menengah dan rendah adalah rendah dalam kalangan wanita, pakar ekonomi itu berkata, antara faktor penyumbang kepada situasi itu adalah persaingan dengan pekerja asing yang bekerja di kategori pekerjaan kurang mahir dan separa mahir.

"Faktor gaji yang rendah serta persekitaran pekerjaan yang kurang kondusif kepada wanita turut menyumbang kepada situasi ini.

"Malaysia perlu mengukuhkan dasar pasaran buruh untuk menggalakkan majikan mempertimbangkan kemasukan semula pekerjaan terutamanya untuk wanita bagi meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh dalam kalangan pekerjaan.

"Seperti yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ke-12, wanita dengan pencapaian pendidikan menengah perlu digalakkan untuk menyertai pasaran buruh melalui beberapa mekanisme yang perlu dikaji seperti aktiviti ekonomi di rumah," katanya.

Menurutnya, selain itu, pelan strategik baharu perlu diperkenalkan untuk meningkatkan hubungan majikan-pekerja, seperti menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak.

"Oleh itu, adalah penting untuk mengutamakan inisiatif yang bertujuan mempromosikan dan menyokong penyertaan wanita di tempat kerja. Tindakan sedemikian boleh menghasilkan pelbagai manfaat dan menyumbang kepada merealisasikan objektif ekonomi yang lebih luas.

"Bagi mendapatkan satu dasar yang menyeluruh ke atas penyertaan wanita dalam pasaran buruh, amat penting untuk mewujudkan pangkalan data khusus bagi golongan ini terutamanya pembabitan mereka dalam ekonomi informal.

> **"56.9 peratus wanita pendidikan menengah berada di luar tenaga buruh**
> *Dr Mohd Yusof*

"Data sedia ada pada ketika ini terarah kepada sektor formal. Saya percaya ramai wanita di luar sana terbabit secara langsung dalam ekonomi seperti perniagaan atas talian, separuh-masa di rumah, tetapi maklumat berkenaan pembabitan mereka dalam ekonomi yang bersifat informal dicerap dengan baik," katanya.

Katanya, terdapat segelintir syarikat yang menggalakkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita.

"Kajian oleh Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan (EU-ERA) bersama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) mendapati, ada syarikat yang memanfaat tenaga kerja wanita dalam komuniti yang berhampiran dengan operasi syarikat.

"Program ini diilhamkan oleh hubungan industri-komuniti di Jepun, apabila industri membina kilang di tengah-tengah kampung untuk membantu pekerja yang lebih tua mendapat pekerjaan dan mengurangkan jurang pembangunan antara negara.

"Begitu juga di Sweden, dasar keseimbangan kerja kehidupan yang progresif dan pengaturan kerja yang fleksibel memberi kesan yang mendalam terhadap penyertaan tenaga buruh wanita," katanya.

Dr Mohd Yusof berkata, Sweden menyerlah di peringkat global sebagai satu daripada negara dengan kadar penyertaan tenaga buruh wanita tertinggi iaitu mencapai kira-kira 81.3 peratus pada 2022.

"Menurut data Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), tahap penyertaan yang tinggi ini adalah bukti kejayaan dasar dan inisiatif yang menyokong wanita dalam menguruskan kedua-dua kehidupan peribadi dan profesional mereka dengan berkesan.

"Satu aspek utama pendekatan Sweden untuk menyokong penyertaan wanita dalam tenaga buruh ialah polisi cuti ibu bapanya.

"Dasar ini menggalakkan pengagihan tanggungjawab penjagaan anak secara saksama antara ibu bapa serta pengenalan bahagian 'guna atau hilang' cuti ibu bapa secara eksklusif untuk bapa memainkan peranan penting dalam menggalakkan pembabitan aktif lelaki dalam penjagaan," katanya.

Katanya, dengan menyediakan insentif kepada bapa untuk mengambil cuti kerja dan mengambil bahagian dalam penjagaan anak, dasar ini membolehkan wanita kembali bekerja lebih awal, menghasilkan pengagihan tanggungjawab keluarga yang lebih seimbang.

"Hasil positif daripada usaha ini dicerminkan dalam kemajuan ketara yang dicapai dalam mengurangkan jurang gaji jantina di Sweden.

"Pada 2021, jurang gaji jantina dianggarkan sekitar 7.3 peratus, jauh lebih rendah daripada purata Kesatuan Eropah iaitu kira-kira 10.4 peratus.

"Pencapaian ini boleh dikaitkan dengan komitmen negara untuk memupuk kesaksamaan jantina dan mewujudkan persekitaran di mana wanita mempunyai peluang yang sama untuk kemajuan kerjaya dan kejayaan kewangan," katanya.

Menurut beliau, secara keseluruhan, dasar keseimbangan kerja kehidupan Sweden yang progresif, pengaturan kerja yang fleksibel dan dasar cuti ibu bapa yang sama jantina bukan sahaja menyumbang kepada penyertaan tenaga buruh wanita yang tinggi tetapi juga memainkan peranan penting dalam mengurangkan jurang gaji jantina.

"Inisiatif ini menjadi contoh yang cemerlang mengenai bagaimana dasar yang komprehensif dan menyokong boleh mewujudkan persekitaran di mana wanita boleh mengambil bahagian sepenuhnya dalam pasaran buruh dan mencapai kesaksamaan jantina yang lebih besar.

"Dalam konteks Malaysia, kita memerlukan dasar khusus untuk meningkatkan penyertaan wanita ke dalam pasaran buruh. Ini memerlukan kajian dan cerapan data secara menyeluruh.

"Selain itu, koordinasi program dan intervensi membabitkan pelbagai kementerian dan agensi serta mewujudkan agensi khusus atau memberi fungsi khusus kepada agensi tertentu untuk bertanggungjawab penuh kepada penyertaan wanita dalam pasaran buruh," katanya.



**PELAN strategik baharu perlu diperkenalkan untuk meningkatkan hubungan majikan-pekerja, seperti menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak.**



**PERSAINGAN dengan pekerja asing yang bekerja di kategori pekerjaan kurang mahir dan separa mahir menjadikan penyertaan pendidikan menengah dan rendah adalah rendah dalam kalangan wanita.**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TERGAMAK TUMBUK ISTERI BERULANG KALI! | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



SUSPEK (tengah) ditahan kerana disyaki menumbuk isterinya selepas berang akibat ditegur kerana menghisap dadah di rumah. - Gambar NSTP/MELVIN JONI

# Tergamak tumbuk isteri berulang kali!

***Wanita tegur suami bawa rakan hisap dadah di rumah dibelasah***

Oleh Melvin Joni
am@hmetro.com.my

**Padawan**

Seorang wanita mengalami pendarahan pada bahagian mata kiri dan lebam di kepala akibat ditumbuk suaminya yang mengamuk selepas ditegur membawa rakan menghisap dadah di rumah mereka.

Ketua Polis Daerah Padawan Superintendan Abang Zainal Abang Ahmad berkata, kejadian berlaku kira-kira 1 tengah hari, Ahad lalu di rumah sewa mereka di Matang Jaya, di sini.

"Ketika kejadian itu, wanita berusia 23 tahun itu menegur suaminya membawa rakan datang ke rumah untuk menghisap dadah sehingga rakan suspek balik (keluar dari kediaman terbabit).

> "Suspek bertindak agresif menumbuk mangsa berulang kali
> Abang Zainal

"Suspek marah dan bertindak agresif menumbuk mangsa berulang kali di kepala sehingga mengalami kecederaan," katanya dalam kenyataannya, kelmarin.

Susulan itu, Abang Zainal berkata, sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Padawan menahan suspek yang berusia 26 tahun di rumah sewa itu, Isnin.

Katanya, suspek yang juga penganggur itu kini direman untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DIPERKOSA LIMA LELAKI KETIKA TIDUR | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita diperkosa lima lelaki ketika tidur

**Kuala Lumpur:** Seorang wanita yang sedang tidur bukan saja diperkosa lima lelaki malah mereka turut merakam perbuatan terkutuk itu pada kejadian di rumah mangsa di Wangsa Maju, di sini, kelmarin.

Perbuatan terbabit pula dipercayai dilakukan rakan abang ipar mangsa yang berusia 27 tahun itu.

Sumber berkata, pada kejadian jam 3.30 pagi itu, mangsa yang sedang tidur di biliknya tersedar apabila mulutnya ditutup dengan tangan oleh penjenayah terbabit.

"Penjenayah turut mengikat tangan dan menutup mulut mangsa dengan pita pelekat sebelum memperkosanya.

"Selepas bergilir-gilir memperkosa mangsa, mereka melarikan diri. Mangsa turut cedera dan lebam di tangan," katanya semalam.

> "Penjenayah turut mengikat tangan dan menutup mulut mangsa
> Sumber

Menurut sumber, mangsa kemudiannya membuat laporan berkaitan kejadian terbabit di Balai Polis Wangsa Maju.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan mengesahkan menerima laporan kejadian terbabit.

"Kesemua suspek masih diburu dan kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan," katanya.



GAMBAR hiasan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DAD FULFILS BOY'S WISH TO WATCH TANKS AT PARADE | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




*A combo picture of Norazlan Nordin and his son, Noraqil (right), at the National Day parade in Dataran Putrajaya yesterday.* PIC BY MOHD ISKANDAR IBRAHIM

# Dad fulfils boy's wish to watch tanks at parade

**PUTRAJAYA:** An 8-year-old boy suffering from leukaemia got his wish to watch the National Day parade in Putrajaya fulfilled, thanks to his father.

Norazlan Nordin, 34, said his son, Noraqil, who has been suffering from leukaemia for the past five years, had been pestering him to attend the parade as he wanted to see the armed forces' assets on display.

His son, he added, had a fondness for tanks.

"Despite his medical condition, my wife and I decided that we had to fulfil our eldest boy's wishes, so we drove from Tampin, Negri Sembilan, last night (Wednesday night). We arrived here about 1am."

Another visitor, Muhd Amirul Fitri Ramli, 25, said this is the second time he is attending the National Day parade with his five family members.

"I wanted to feel the excitement and patriotic spirit, and get a good spot. That's why we came early as 3am."

He said he was surprised to find that many people had arrived before them.

The spirit of patriotism was evident with many braving the crowd and taking public transport to reach the parade site early.

Some visitors parked far away and walked almost 30 minutes to the parade site.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PARENTS SHED TEARS OF JOY AND PRIDE | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

MERDEKA BABIES

# PARENTS SHED TEARS OF JOY AND PRIDE

Couples across the nation elated to welcome newborns on National Day

MOHAMED BASYIR
AND BAHAROM BAKAR
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my



*Noorazian Mohamad Adnan and Mohamad Amirul Ashraf Zainey Sham with their baby girl who was born at 12.07am yesterday.* PIC BY MOHAMED BASYIR

AS Malaysians closely watched the clock ticking down to midnight to celebrate National Day, Awang Hanif Awang Ali anxiously waited outside the labour room of Tunku Azizah Hospital (HTA), awaiting good news from the doctor.

His wife, Noor Ermafiza Mohd Rusli, could not believe it when they were told they could become parents to a Merdeka baby. As the due date drew nearer, both were hoping it could turn out to be true.

Awang Hanif, 33, said his wife was experiencing labour pains before midnight, but they agreed to have their firstborn on Merdeka day.

At exactly 12.06am, their 3.3kg baby boy was born through normal delivery.

Although the 30-year-old mother looked tired, she was happy to be by her son's side after hours in the labour room.

"We shed tears of joy and pride," said the father.

The couple are among five parents who welcomed their newborns in the first hour of Merdeka, between midnight and 1am.

Noorazian Mohamad Adnan and Mohamad Amirul Ashraf Zainey Sham welcomed their second child — a bouncing baby girl weighing 2.9kg — through normal delivery at 12.07am.

The 27-year-old mother said the due date was Sept 17, so she had no idea her baby would be born on National Day.

She said she was at work when she felt a lack of movement from her baby, prompting her 30-year-old husband to rush her to the hospital. The doctor checked and confirmed that it was time.

"My husband said, 'Why not try for a Merdeka baby if it is meant to be?'

"Nearing midnight, the pain got worse and, *Alhamdulillah*, minutes later, I gave birth to a baby girl," she said, adding that they would name her Adriana.

Present at the final countdown were Kuala Lumpur Hospital director Datin Dr Rohana Johan and HTA director Dr Shamsul Anuar Kamarudin.

Dr Shamsul Anuar said the average birth rate at HTA was between 35 and 50 babies.

"We have 16 nurses, a specialist and three medical officers, as well as housemen on standby to serve the patients.

"Maybe by midnight (Sept 1), we could have up to 50 Merdeka babies," he said.

At press time, the number stood at 19.

An HTA spokesman told the *New Straits Times* that six boys and 13 girls were born between midnight and 4pm, with more expected later.

Twelve of them were born through normal delivery and seven via Caesarean section.

In **Kuala Terengganu**, 36 Merdeka babies were born in five hospitals in Terengganu up to 12.45pm yesterday.

Terengganu Health director Datuk Dr Kasemeni Embong said the first baby was born at Sultanah Nur Zahirah Hospital at 1.25am.

He said all the babies were born through normal delivery, with the hospital recording the highest number of deliveries at 25.

"Five more babies were born in Kemaman Hospital, three in Besut Hospital, two in Dungun Hospital and one in Hulu Terengganu Hospital."

Present to celebrate the birth of the babies were state National Registration Department director Mohamad Nasir Kareem and state National Higher Education Fund Corporation general manager Azizah Nasik.

In **Kuantan**, Pahang Health director Datuk Nor Azimi Yunus said 15 babies were born in the state up to 11am yesterday.

He said 10 were boys and the rest were girls, adding that all were in good health.

"The first Merdeka baby — a baby boy weighing 2.94kg — was born in Tengku Ampuan Afzan Hospital at 12.09am.

"All went through normal delivery except for one where the vacuum extraction delivery method had to be used."

Dr Nor Azimi said HTAA recorded the highest number of deliveries with eight, followed by Sultan Haji Ahmad Shah Hospital in Temerloh with four.

"Kuala Lipis Hospital, Pekan Hospital and Sultanah Hajah Kalsom Hospital in Cameron Highlands recorded one birth each. Congratulations to all the parents who welcomed their babies on National Day." **Additional reporting by Asrol Awang**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SARAWAK CHILDREN"S FESTIVAL TAKES PLACE AT PUSTAKA SIBU THIS WEEKEND | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Sarawak Children's Festival takes place at Pustaka Sibu this weekend

**SIBU:** The Sibu branch of Pustaka Negeri Sarawak is holding the Sarawak Children's Festival this weekend (Sept 2 and 3) from 9am until 5pm.

This festival features programmes and activities for children to take part in and discover their interests.

"In addition, children are also exposed to the functions of the library which is not only a place to read, borrow and return books, but also a place to explore new technology and improve their creativity with hands-on activities," Pustaka Sibu said in a statement yesterday.

A variety of interesting programmes have been lined up in eight spaces, with more than 100 activities and 50 partners/collaborators.

These include exhibitions, performances, storytelling sessions, Makers and STEM activities, arts and crafts, and many more.

Participation is free.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEWING NATIONAL DAY CUSTOMES KEEPS MUM BUSY | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Sewing National Day costumes keeps mum busy

A MOTHER of four in Kota Baru has created more than 500 costumes for the National Day and Malaysia day celebrations since 2017.

*Utusan Malaysia* reported that Maznah Md Yusoff, 39, started making National Day-inspired costumes for her eldest daughter, Qistina Mohd Daud, 11, when she entered a costume competition for National Day six years ago.

"As a tailor, I used my skills to sew the costumes with my own ideas and creativity.

"My daughter was able to get first prize with my creation. Since then, I've been receiving orders from other parents who want costumes for their children to wear to their school during the National Day month," she said.

Maznah made all the costumes without any assistance from others. Her costumes for boys are priced between RM50 and RM100 each, while those for girls are priced from RM200 to RM250 each.

For special orders complete with custom-made accessories, Maznah said they would cost around RM500.

> Rapper and social activist Caprice has challenged the person who allegedly placed a package linked to black magic on the car belonging to his wife to face him, reported *Kosmo!*.

Caprice, whose real name is Ariz Ramli, believes that the act was done to create problems for his family.

"I don't know how they managed to find out where we live.

"Someone managed to leave something on my wife's car. Who did this disgusting behaviour? If you did it, face me now," he said.

The 35-year-old lodged a police report in Mont Kiara, Kuala Lumpur, following the incident.

Caprice also shared a video clip showing the black package which was wrapped in a face mask filled with tissues.

On social media, fans advised the rapper and his family members to be careful.

In November last year, Caprice revealed that his wife Farra Inalis claimed to have been disturbed by jinn (spirits) and black magic. She was also harassed by unknown people via text messages.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CHILDREN IN UNIFORM LIVEN UP PROCESSION | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Children in uniform liven up procession

**PUTRAJAYA:** The presence of three children dressed in full security forces uniform caught the attention of spectators here and added to the colourful National Day celebrations yesterday.

Five-year-old Dhiya Aisyah Sofea Mohamad Nor Hafiz, clad in military uniform, came with cousins Muhammad Daniel Rayyan Mohammad, five, and Muhammad Danish Irfan, eight.

The duo proudly paraded around dressed as a firefighter and a soldier.

Mohamad Nor Hafiz Mohd Yusof, 35, said the uniforms worn by his daughter Dhiya Aisyah Sofea and two cousins were the centre of attraction as many people wanted to take pictures with them.

"It was worth spending the RM300 for their uniforms because some people value them and this will be a National Day memory for my daughter and her cousins."

He said the celebrations were very impressive this year as mesmerising performances were displayed such as an air show involving various defence assets and a parachute performance by the police Vat 69 commando unit. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DELAY IN BIRTH REGISTRATIONS | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Delay in birth registrations

**KUALA TERENGGANU:** The Terengganu National Registration Department (NRD) received a total of 286 late registrations for birth certificates across the state in 2022, said director Mohamad Nasir Kareem.

"We expect a possible increase in late birth registrations this year compared with last year. Late registrations after 60 days of birth have resulted in NRD officers taking some time to verify and interview parents," he said after attending the *Menyemai Kasih Rakyat* event yesterday in conjunction with the "Merdeka Babies" celebration.

Mohamad Nasir said the department found that more than 80% of cases in which birth certificate registrations was delayed were due to negligence of parents or guardians.

He added that among the reasons for submitting late applications were transport issues.

"The transport issue should not be an excuse. We also need the communities' help to register the birth of a baby if the parents have certain restrictions."

He said the department prioritises initiatives to ensure every baby born in the state is registered. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MOTHER, SON SAVED FROM BURNING HOUSE | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Mother, son saved from burning house

**KUALA LUMPUR:** Quick action by firefighters saved a mother and son who were trapped in their burning house in Serdang near here early yesterday.

Serdang Fire and Rescue Department operations commander Saharudin Abd Razak said the department was alerted of the fire at a double-storey house in Taman Serdang Raya at 5.35am.

A team of firefighters from the Serdang and Bandar Tun Hussein Onn stations found a 62-year-old woman and her 30-year-old son trapped on the top floor of the house, which was engulfed in flames.

"Our men were forced to break open the window grill to rescue the duo, who were semi-conscious by then.

"An Emergency Medical Rescue Services team administered oxygen to them before a medical team arrived," he added.

Saharudin said the cause of the fire, which razed 70% of the house, is still being investigated. – Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DORIS HULUR BANTUAN KEPADA KELUARGA DITIMPA MUSIBAH | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**HULURKAN BANTUAN:** Bana (tiga kanan) yang mewakili Doris menyampaikan bantuan kematian kepada keluarga mendiang Pelin (kiri) semasa majlis ringkas berkenaan semalam.

# Doris hulur bantuan kepada keluarga ditimpa musibah

**SRI AMAN:** Penduduk yang ditimpa musibah di kawasan Parlimen Sri Aman terus menerima bantuan yang disalurkan oleh Ahli Parlimen Sri Aman Datuk Seri Doris Sophia Brodie.

Semalam, Doris sekali lagi tampil menghulurkan bantuan kematian kepada salah penduduk yang meninggal dunia di kawasan pentadbiran beliau iaitu di Sri Aman.

Penyampaian bantuan kematian itu telah disampaikan oleh wakil Ahli Parlimen berkenaan iaitu Tuai Rumah Bana kepada ahli keluarga mendiang Pelin Osup di Rumah Forman, Kampung Ensebang, Sungai Burak, Balai Ringin.

Dalam pada itu, Tuai Rumah Bana berkata, Doris turut menyampaikan salam kepada keluarga mendiang agar terus tabah menghadapi musibah berkenaan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAYAT LELAKI OKU DITEMUI TERAPUNG DI SUNGAI RAJANG | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Mayat lelaki OKU ditemui terapung di Sungai Rajang

**SIBU:** Mayat seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) ditemui terapung di Sungai Rajang berhampir Esplanade Sibu di sini, semalam.

Mayat Moses Yong Jia Wan, 22, dijumpai terapung berhampiran lokasi kejadian jam 10.17 pagi.

Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Zon 4 Sibu Andy Alie berkata, mayat mangsa ditemui terapung oleh pasukan bomba lima meter dari lokasi mangsa dilaporkan terjun pada Selasa lalu.

"Mayat telah dibawa naik ke Jeti Penumpang Lembaga Sungai-Sungai Sarawak Sibu dan pengesahan mayat telah dilakukan oleh ahli keluarga," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, mayat telah diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

Andy berkata, operasi mencari dan menyelamat (SAR) hari ketiga diisytiharkan tamat jam 11 pagi.



**DITEMUI TERAPUNG: Pasukan bomba membawa mayat menggunakan bot sebelum diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.**

Dalam kejadian petang Selasa lalu, mangsa dikhuatiri lemas selepas terjun ke dalam sungai berhampiran Esplanade Sibu.

Kejadian tersebut telah dilihat abangnya Abraham namun dia tidak berani menyelamatkan adiknya kerana dia juga tidak pandai berenang.

Seramai lapan anggota bomba dibantu empat anggota polis marin dan lapan anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) terlibat dalam operasi SAR hari ketiga tersebut.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TIGA CEDERA DUA MOTOSIKAL BERTEMBUNG DI BINTANGOR | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 01 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tiga cedera dua motosikal bertembung di Bintangor

## Mangsa melibatkan dua penunggang motosikal dan seorang pembonceng kanak-kanak berusia tiga tahun

Oleh Kepu Sidi

**BINTANGOR: Dua penunggang motosikal dan seorang pembonceng tercedera setelah dua motosikal yang dinaiki mereka bertembung dalam kemalangan di Jalan Kelupu, dekat sini kelmarin.**

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bintangor Nicholas Belulin berkata, pihak bomba telah menerima panggilan kecemasan berkaitan kemalangan itu pada jam 9.10 malam.

"Sejurus menerima panggilan tersebut, sepasukan anggota bomba telah dikerahkan ke lokasi kemalangan yang sejauh satu kilometer dari balai.

"Ketika sampai di lokasi tersebut, pasukan bomba mendapati kesemua mangsa tercedera dan berdasarkan situasi tersebut pasukan bomba terus memberikan rawatan awal sementara menunggu ketibaan pihak perubatan.

"Berdasarkan maklumat awal, kedua-dua motosikal terbabit datang dari arah bertentangan," kata Nicholas kepada media semalam.

Sebuah motosikal yang datang dari arah pekan Bintangor ditunggangi mangsa yang berusia 20 tahun dan dibonceng seorang kanak-kanak berusia tiga tahun manakala identiti penunggang motosikal dari arah bertentangan yang datang dari arah Sibu menuju ke Bintangor masih tidak diketahui.

Menurut Nicholas, mangsa yang tidak diketahui identiti tersebut berada dalam keadaan separuh sedar ketika dibawa ke hospital berhampiran.

"Sejurus operasi menyelamat dan kesemua mangsa telah dibawa ke hospital berhampiran, pasukan bomba telah bertindak membersihkan sisa-sisa kemalangan dengan menggunakan sumber air daripada jentera bomba.

"Setelah memastikan keadaan di lokasi selamat, pasukan bomba terbabit telah bertolak balik ke balai," jelas Nicholas.

> "Sejurus menerima panggilan tersebut, sepasukan anggota bomba telah dikerahkan ke lokasi kemalangan yang sejauh satu kilometer dari balai."
>
> **Nicholas Belulin**
> *Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bintangor*



**KEMALANGAN:** Pertembungan dua motosikal di Jalan Kelupu, Bintangor menyebabkan dua penunggang dan seorang pembonceng tercedera.